



**MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
86000 KLUANG**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan **JAWATAN TETAP** berikut di Majlis Perbandaran Kluang.

A. NAMA JAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KEKOSONGAN
1.	Penolong Jurutera	JA29	Pelaksana	Kejuteraan	1
2.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	Pelaksana	Pentadbiran dan sokongan	1
3.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Pelaksana	Pentadbiran dan sokongan	1

B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN KELULUSAN

1. JAWATAN : PENOLONG JURUTERA GRED JA29

SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik politeknik tempatan ataukelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [Gaji Permulaan: RM1,549.00]; atau

(ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. [Gaji Permulaan: RM1,935.02]

SYARAT BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Airadalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas
- (b) had umur pelantikan:
 - I. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - II. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - III. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00)

- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

SYARAT BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu tadbir (Perkeranian/ Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu tadbir (kewangan), Pemeriksa Cap jari dan pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas
- (b) had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

TAMBAHAN SYARAT

4. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai :

- (a) Diploma dalam bidang Komunikasi dan Media,
- (b) Mahir menggunakan aplikasi Photoshop, Illustrator, Indesign dan mampu untuk mereka bentuk, membangunkan susun atur dan pengeluaran semua komunikasi pemasaran dan bahan sokongan pemasaran untuk media cetak dan elektronik seperti Iklan, risalah, sepanduk, poster, bahan paparan dalaman, Video dan sebagainya.
- (c) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang korporat dan media sekurang-kurangnya 2 tahun

3. JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

SYARAT BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas
- (b) had umur pelantikan:
 - I. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - II. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - III. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

TAMBAHAN SYARAT

4. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai :
 - (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Matematik pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (b) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang penilaian Cukai Taksiran Harta di Pihak Berkuasa Tempatan sekurang-kurangnya 2 Tahun
 - (c) Mahir menggunakan aplikasi Excel, Word, PowerPoint dan AUTOCAD.

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

D. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah **SECARA ONLINE DI LAMAN WEB MAJLIS PERBANDARAN KLUANG IAITU <http://www.mpkluang.gov.my>** atau terus melalui link [http://esistem.mpkluang.gov.my/eJOB MPKLUANG/](http://esistem.mpkluang.gov.my/eJOB_MPKLUANG/)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN SEBELUM ATAU PADA : 7 MEI 2023

E. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini ;
- b) Permohonan bagi **jawatan Gred 29 hendaklah disertakan dengan 'video resume' sebagaimana berikut :**
 - i. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
 - ii. Menggunakan suara pemohon sebenar
 - iii. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah:
 - Ringkasan Latarbelakang keluarga pemohon
 - Ringkasan latarbelakang Pendidikan pemohon
 - Ringkasan pengalaman kerja pemohonan
 - Pekerja/aktiviti terakhir atau semasa pemohon
 - Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohonan

- Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon
- Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
 - Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
 - Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
 - Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon
- iv. Pemohon digalakkan menghasilkan '*video resume*' yang unik dan kreatif dan hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat hmpkluang@gmail.com. Sila pastikan setiap video yang dihantar mempunyai nama pemohon/No.KP dan jawatan dipohon (*rename*). [Ali bin Abu 000130015213 Penolong Pegawai Tadbir N29]
- c) Pemohon perlu memenuhi syarat kelayakan yang telah dinyatakan di iklan dan muat turun gambar serta dokumen-dokumen yang diperlukan. **Pemohon yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan atau tidak lengkap akan DITOLAK.**
- d) Hanya calon-calon yang ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dihubungi untuk temuduga. **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam(6) bulan dari tarikh tutup iklan dianggap sebagai tidak TIDAK BERJAYA.**

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang**